

Keluarga Abdullah ucap terima kasih

Kuala Lumpur: Keluarga Allahyarham Tun Abdullah Ahmad Badawi mengucapkan terima kasih kepada semua pihak terbabit melancarkan istiadat pengebumian Perdana Menteri Kelima, semalam.

Menantu Allahyarham, Khairy Jamaluddin, berkata ramai yang menyatakan kenangan manis bersama Allahyarham.

“Terima kasih kepada semua pemimpin, Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin, ke-

rabat diraja Negeri Sembilan, pemimpin dalam dan luar negara, pengurusan Masjid Negara serta semua yang hadir memberi penghormatan terakhir.

“Ramai menyatakan mereka mempunyai kenangan manis bersama Tun Abdullah, sewaktu Allahyarham menjadi Perdana Menteri dan menyandang jawatan menteri,” katanya selepas selesai Istiadat Pengebumian Negara.

Khairy turut mengucapkan terima kasih kepada Perdana Men-

teri, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadilah Yusof atas kehadiran mereka.

Penghargaan juga diucapkan kepada keempat-empat bekas perdana menteri iaitu Tun Dr Mahathir Mohamad, Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang turut hadir di Masjid Negara.

BERNAMA